

**Hubungan Antarabangsa antara Malaysia dan China Melalui Pendidikan: Cabaran dan Usaha Pengantarabangsaan Bahasa Melayu**

*International Relation Between China-Malaysia Through Education: Challenges And Efforts In Malay Language Internationalization*

Zaiton Zakarya  
Universiti Malaya (UM)  
Guangdong University of Foreign Studies, China (GDUFS)  
[zaitonzakaryagdufs@gmail.com](mailto:zaitonzakaryagdufs@gmail.com)

Salinah Ja'afar\*  
Universiti Malaya (UM)  
[b1salina@um.edu.my](mailto:b1salina@um.edu.my)

Mardian Shah Omar  
Universiti Malaya (UM)  
[mardianso@um.edu.my](mailto:mardianso@um.edu.my)

Nurul Afifah Adila Mohd Salleh  
Universiti Teknologi Mara (UiTM)  
[afifahadila@uitm.edu.my](mailto:afifahadila@uitm.edu.my)

\*Corresponding author: [b1salina@um.edu.my](mailto:b1salina@um.edu.my)

**Published:** 08 November 2024

**To cite this article (APA):** Zakarya, Z., Ja'afar, S., Omar, M. S., & Mohd Salleh, N. A. A. (2024). Hubungan Antarabangsa antara Malaysia dan China Melalui Pendidikan: Cabaran dan Usaha Pengantarabangsaan Bahasa Melayu. *PENDETA*, 15(2), 79–95. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.6.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.6.2024>

**ABSTRAK**

Malaysia dan China telah menjalinkan hubungan diplomatik secara rasmi sejak tahun 1974. Dalam bidang pendidikan, Pengajian Bahasa Melayu mula bertapak di negara China pada tahun 1961. Hingga kini, terdapat 17 buah institusi pengajian tinggi di seluruh China telah menawarkan program Pengajian Melayu. Kajian ini mengenal pasti cabaran yang wujud dalam proses pengantarabangsaan bahasa Melayu dan meneliti usaha yang dilakukan untuk mengembangkan bahasa Melayu di China. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data, iaitu catatan lapangan, dan temu bual. Kajian yang bersifat kualitatif deskriptif ini melibatkan 10 orang tenaga pengajar, 50 orang pelajar dari beberapa universiti di China, dan Pengerusi Sekretariat Penggerak Pengajian Melayu China sebagai peserta kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai cabaran dalam proses perkembangan bahasa Melayu di China, iaitu kurikulum yang tidak seragam, kekurangan bahan pengajaran yang sesuai, tiada aplikasi mudah alih, perbezaan tahap penguasaan pelajar, dan kurangnya motivasi dalam kalangan pelajar. Dapatan juga menunjukkan pelbagai usaha telah dilakukan dalam usaha mengantarabangsakan bahasa Melayu di China. Isu yang dihadapi oleh tenaga pengajar dan pelajar ini dapat diketengahkan selain mencadangkan penambahbaikan demi masa hadapan bahasa Melayu di negara China. Implikasi kajian ini diharapkan dapat memberi input dan maklumat kepada kementerian berkaitan di China dan Malaysia, DBP dan tenaga pengajar. Perkembangan bahasa Melayu di China benar-benar memberi kesan terhadap hubungan diplomasi Malaysia dan China.

**Kata kunci:** Malaysia-China; bahasa Melayu; pembangunan; cabaran; usaha

### ABSTRACT

*Malaysia and China have officially established diplomatic relations since 1974. In the field of education, the study of the Malay Language began in China in 1961. Until now, there are 17 higher education institutions throughout China that have offered Malay Studies programs. This study identifies the challenges that exist in the process of internationalizing the Malay language and examines the efforts made to develop the Malay language in China. This survey-type study applies two methods of data collection, namely field notes, and interviews. This descriptive qualitative study involved 10 teaching staff, 50 students from various universities, and the Chairman of the China Malay Studies Promotion Secretariat as respondents. The findings of the study show that there are various challenges in the development process of the Malay language in China, namely a non-uniform curriculum, lack of suitable teaching materials, no mobile application, differences in student proficiency, and lack of motivation among students. The findings also show that various efforts have been made to internationalize the Malay language in China. Issues faced by teachers and students can be highlighted in addition to suggesting improvements for the future of the Malay language in China. The implications of this study are expected to provide input and information to relevant ministries in China and Malaysia, DBP and teaching staff. The development of the Malay language in China really has an impact on the diplomatic relations between Malaysia and China.*

**Keywords:** Malaysia-China; Malay language; development; challenge; effort

### PENGENALAN

Sejarah hubungan diplomatik antara negara Malaysia dan China telah wujud sejak berabad-abad kini dilanjutkan dengan hubungan yang lebih mantap, iaitu dengan adanya kerjasama pendidikan antara kedua-dua buah negara. Pengajian Bahasa Melayu telah mula ditubuhkan di Beijing, China pada tahun 1961 oleh Profesor Wu Zongyu, iaitu pengasas Program Pengajian Bahasa Melayu di China dan Pengarah Pusat Pengajian Melayu China di Beijing Foreign Studies (BFSU). Hasil usaha Prof. Wu Zongyu dengan kerjasama rapat pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Kerajaan Malaysia, maka tertubuhlah Pusat Pengajaran Bahasa Melayu di BFSU pada 20 Jun 1997 bagi menyemarakkan usaha pendidikan bahasa Melayu di China. Seterusnya, pada 1 September 2005, ditubuhkan pula secara rasminya Pusat Pengajian Melayu China, dengan Prof. Wu sebagai pengarahnya sehinggalah ke hari ini. Dengan penubuhan Pusat Pengajian Melayu China ini, usaha pendidikan bahasa Melayu diperluaskan lagi cakupannya dalam bidang Pengajian Melayu.

Penawaran kursus bahasa Melayu tidak asing lagi di luar negara bahkan dilihat semakin menjadi pilihan setanding dengan 36 bahasa asing yang lain. Hal ini terbukti apabila terdapat program bahasa Melayu yang ditawarkan di universiti-universiti serata dunia. Antaranya termasuklah di Jepun, Korea, China, Jerman, Australia, dan Rusia. Perkembangan ini dilihat satu perkembangan yang positif, iaitu menggambarkan permintaan terhadap Program Pengajian Melayu untuk penutur asing semakin meningkat. Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing ini bertujuan untuk mendalami tentang Alam Melayu dari segi bahasa, budaya, sejarah, politik, ekonomi, dan sosial. Pembelajaran bahasa asing dilihat dapat menjadi jambatan dalam menjalinkan hubungan diplomatik antara negara-negara tersebut. *Beijing Foreign Studies University* (BFSU) misalnya telah menawarkan 101 jenis bahasa dari seluruh negara yang menggambarkan bahawa bahasa memainkan peranan penting dalam hubungan diplomasi dengan negara-negara luar. Galakan daripada kerajaan China turut mengembangkan lagi pembelajaran bahasa asing di seluruh China termasuklah dalam penawaran kursus Bahasa Melayu.

Bahasa Melayu sebagai bahasa asing di China sudah lama ditawarkan di negara China dan mula bertapak di Beijing, iaitu di Universiti Pengajian Bahasa-bahasa Asing (BFSU) sejak tahun 1961 lagi. Jika dilihat dari segi sejarah, hubungan China dan tanah Melayu sudah lama dicatatkan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Akrabnya hubungan antara tanah Melayu dan China ini dapat dilihat dalam beberapa bukti penting seperti catatan utusan Laksamana Zheng He dan kekerapan lawatan raja Melaka ke benua China yang turut dicatatkan dalam buku Sejarah Melayu dan buku-buku sejarah

China. Hubungan yang akrab antara kedua-dua tamadun ini tidak dapat disangkal lagi. Kini, keperluan modal insan yang berbahasa Melayu amat diperlukan bagi perkembangan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara, iaitu Malaysia dan China. Oleh itu, semakin banyak institusi tinggi di China menawarkan jurusan bahasa Melayu bagi melahirkan mahasiswa yang berkemahiran dan berkebolehan berbahasa Melayu bagi memenuhi permintaan dan keperluan masyarakat dan negara.

Tujuan khusus pendidikan bahasa Melayu di negara China adalah bagi memenuhi keperluan pasaran kerja di China terutamanya dalam bidang diplomatik, perdagangan, hubungan antarabangsa, pendidikan, pengajian, pelancongan, industri internet, industri perumahan, industri pembuatan, dan keperluan dalam kerajaan China. Selain itu, kurikulum yang berunsur multidisiplin untuk melengkapkan keperluan mahasiswa dalam pelbagai bidang termasuk bahasa, budaya, dan pengetahuan am turut menjadi tujuan utama dalam pengajaran bahasa asing ini. Seterusnya objektif pengajaran bahasa Melayu adalah untuk melahirkan mahasiswa yang berkemahiran tribahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa China di samping memupuk mahasiswa bersedia menjadi calon sarjana untuk pengajian Asia Tenggara termasuk Malaysia, Singapura, Brunei, dan Indonesia dalam latar belakang Satu Jalur Satu Jalan (B&R *Initiative* atau OBOR). Bukan itu sahaja, pendidikan bahasa Melayu juga adalah sebagai satu cara untuk memperluaskan cerita dan budaya China kepada Malaysia, iaitu termasuk budaya tradisional China contohnya dengan menghasilkan buku-buku terjemahan bahasa China Klasik, misalnya Shi Jing (puisi-puisi lama), Lun Yu (teori Confucious), Ren Tian You (nyanyian tradisional China) dan lain-lain. Penghasilan buku-buku dan bahan terjemahan ini dapat memperkaya lagi ilmu pengetahuan ke dalam khalayak yang berbahasa Melayu termasuklah di Malaysia, Brunei, Singapura, Indonesia, dan selatan Thailand.

Bahasa merupakan alat perantaraan utama dalam komunikasi dan menyampaikan sesuatu maklumat. Menurut Hartmann dan Stork (1976), bahasa digunakan untuk menggambarkan sesuatu (fungsi representasi), untuk menyampaikan maklumat antara anggota masyarakat (komunikatif), penerimaan daripada pendengar (fungsi apelatif), untuk menyatakan dan mengujarkan perasaan (fungsi ekspresif) atau memberikan penaakulan intelektual (fungsi kognitif). Jadi, dalam konteks ini, bahasa Melayu yang dipelajari oleh pelajar China dapat dimanfaatkan untuk komunikasi yang lebih berkesan. Moeller dan Catalano (2015) menghuraikan bahawa bahasa asing merupakan sesuatu yang diperlukan untuk berinteraksi dan memahami sesuatu budaya yang berbeza. Bahasa asing turut dikatakan memainkan peranan penting dalam dunia pendidikan hari ini kerana individu yang boleh menguasai bahasa asing akan mendapat peluang yang lebih berbanding dengan individu lain (Kusim Yamirudeng & Zulkifli Osman, 2019). Justeru, bahasa Melayu ini telah membuka peluang kepada pelajar untuk memperoleh pengetahuan linguistik dan pengetahuan sosial dalam usaha untuk mengetahui apa, bagaimana, dan mengapa sesuatu mesej atau maklumat itu disampaikan. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu ini bertujuan untuk membolehkan pelajar berkomunikasi dengan masyarakat serta meneroka budaya Melayu, khususnya di Malaysia.

Usaha sama antara institusi pengajian tinggi dan Kedutaan Besar Malaysia telah menyemarakkan dan memperkasakan perkembangan bahasa Melayu dan Pengajian Melayu di negara China. Sehingga tahun 2024, terdapat 17 universiti dan kolej yang menawarkan kursus Bahasa Melayu bagi peringkat diploma, ijazah sarjana muda, dan sebahagiannya hingga ijazah sarjana di seluruh China. Di samping itu, ada juga institusi yang menawarkan bahasa Melayu sebagai kursus pilihan dan elektif jabatan. Institusi yang menawarkan bahasa Melayu di Tanah Besar China dapat dilihat seperti dalam Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1:** Senarai institusi di China yang menawarkan kursus Pengajian Melayu

<b>Nama Institusi</b>	<b>Tahun Penubuhan</b>
Beijing Foreign Studies University	1961
Luoyang University of Foreign Studies	1998
Communication University of China	2000
Guangxi University for Nationalities	2007
Guangxi Internasional Business Vocational College	2008

*bersambung*

Yunnan Minzu University	2009
Tianjin Foreign Studies University	2013
Guangdong University of Foreign Studies	2014
Xian International Studies University	2016
Minjiang Teachers College	2016
Hainan College of Foreign Studies	2017
Hebei Foreign Studies University	2018
Chong Qing College of Multi-Language (Sichuan International Studies University)	2019
Chengdu Institute Sichuan International Studies University	2019
Yunnan University	2019
Jilin International Studies University	2022
Hainan Normal University	TBC

---

Berdasarkan Jadual 1 di atas, program Pengajian Melayu di China mula ditawarkan pada tahun 1961. Hal ini menggambarkan bahawa Pengajian Melayu di negara China sudah lama bertapak, iaitu sekitar 60 tahun yang lalu. Pertambahan bilangan program Pengajian Melayu di seluruh China ini menunjukkan satu kemajuan yang amat positif. Namun, dalam proses perkembangan ini, wujud berbagai-bagai cabaran dan kekangan yang terpaksa diharungi sama ada cabaran yang timbul daripada pihak pengajar dari China, pengajar dari Malaysia, mahupun daripada pelajar itu sendiri. Cabaran ini perlu diatasi sebaik mungkin bagi memastikan Pengajian Melayu terus berkembang mekar di negara China.

Objektif kajian ini adalah untuk melihat cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan program bahasa Melayu di seluruh China. Cabaran ini merupakan cabaran yang harus didepani oleh semua pihak yang terlibat dalam proses pengembangan bahasa Melayu di China. Di samping itu, kajian ini turut melihat usaha yang telah dilakukan sepanjang perkembangan program pengajian ini di China. Usaha ini termasuklah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak sama ada dari negara Malaysia mahupun dari negara China.

## **SOROTAN KAJIAN**

Kajian-kajian lepas ini dijadikan sandaran awal sebelum kajian dilakukan. Mengajar bahasa Melayu kepada pelajar asing merupakan satu usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu di persada dunia. Banyak usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak bagi memastikan perkembangan bahasa Melayu di negara China berjalan dengan baik. Antara pengkaji lepas yang mengkaji usaha yang dilakukan untuk mengembangkan bahasa Melayu di China ialah kajian oleh Su, Y.Y. (2020), Nurul Afifah Adila Mohd Salleh (2022), Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) serta Fikri Ghafar dan Sa'adiyah Ma'alip (2020). Kesemua kajian lepas ini ada membincangkan usaha yang telah dilakukan dan perlu dilaksanakan untuk mengembangkan bahasa Melayu di China.

Menurut Su, Y.Y. (2020), antara usaha yang telah dilakukan bagi memartabatkan bahasa Melayu di negara tembok besar ini adalah dengan mengadakan Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu di Beijing, Seminar Persahabatan China - Malaysia, Sayembara Deklamasi Sajak Bahasa Melayu, Seminar Terjemahan, Bahasa dan Budaya Melayu - China, Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu dan pertukaran pelajar antara negara China - Malaysia dalam bidang pendidikan dan kebudayaan. Usaha ini dilaksanakan sejak tahun 1996 sehingga kini dengan penglibatan pelajar dan tenaga pengajar dari universiti-universiti di China. Selain itu, penglibatan kerajaan Malaysia juga dianggap sebagai usaha yang besar dalam memberikan sokongan kepada pembangunan bahasa Melayu di China. Contohnya, dengan kehadiran Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2004 dan kehadiran Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2005 ke China untuk merasmikan program yang dianjurkan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu.

Selain itu, kajian oleh Nurul Afifah Adila Mohd Salleh (2022) pula memfokuskan kepada usaha yang perlu diberikan tumpuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di China. Situasi pembelajaran bahasa Melayu di Hebei Foreign Studies University (HFSU) dijadikan sampel bagi mendapatkan data kajian. Antara perkara yang diusahakan oleh tenaga pengajar ialah memperbanyakkan aktiviti membaca, menulis, mendengar dan bertutur bersama pelajar, tempoh masa pembelajaran ditambah, memanfaatkan multimedia sebagai daya tarikan pembelajaran, mempelbagaikan strategi dan teknik pengajaran dan memastikan penggunaan bahasa perantara yang jelas dalam sesi pengajaran di dalam kelas. Usaha ini dilakukan oleh tenaga pengajar bahasa Melayu di China bagi memastikan bahasa Melayu dapat dipelajari dengan baik oleh pelajar-pelajar.

Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) serta Fikri Ghafar dan Sa'adiah Ma'alip (2020) pula telah mengambil peluang dengan mengkaji pelajar-pelajar dari negara China yang terlibat dalam mengikuti pembelajaran di universiti-universiti awam di Malaysia. Berdasarkan kedua-dua kajian ini, pelbagai usaha perlu dilaksanakan bagi memantapkan penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar dari China ini. Antaranya, masa latihan yang konsisten dan mencukupi, melakukan aktiviti komunikasi, sukatan pelajaran dan bahan pengajaran yang sesuai, pembelajaran berasaskan multimedia dan membaca bahan bacaan ilmiah dan bersifat akademik berbanding bahan fiksi seperti novel, cerpen dan komik. Kesemua perkara ini merupakan usaha yang perlu dipertimbangkan agar para pelajar China lebih mahir dalam menguasai bahasa Melayu.

Selain membincangkan tentang usaha-usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu di negara China, terdapat juga kajian lepas yang membincangkan cabaran tenaga pengajar dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di China. Antara pengkaji lepas yang mengkajinya ialah Zaiton Zakarya (2024), Zaiton Zakarya dan Hawa Mahfuzah Rusidin (2019), Nurul Afifah Adila Mohd Salleh (2021), Zhang, X. (2018) dan Zaiton Zakarya dan Li, W.J. (2021). Perbincangan berkenaan cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh tenaga pengajar dan pelajar ini amat penting agar dapat diberikan perhatian untuk mencari jalan penyelesaiannya.

Zaiton Zakarya dan Hawa Mahfuzah Rusidin (2019) menjalankan kajian berkenaan masalah dan cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di dua buah universiti di China, iaitu Universiti Pengajian Asing Guangdong dan Universiti Minzu Yunan. Kedua-dua buah universiti ini menawarkan program pengajian bahasa Melayu kepada pelajar China di peringkat ijazah sarjana muda. Dapatan kajian menunjukkan bahawa antara masalah yang dihadapi oleh pelajar China dalam mempelajari bahasa Melayu ialah kesukaran menyebut huruf "r", kesukaran membezakan konsonan bersuara dan tidak bersuara dan kesukaran membezakan "e taling" dengan "e pepet". Selain itu, pelajar juga sering melakukan kesalahan ejaan dan menggunakan sesuatu perkataan dengan maksud yang salah. Manakala, cabaran yang dihadapi oleh pensyarah pula ialah kurangnya peluang untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan para pelajar, pelajar lebih gemar bertutur dalam bahasa ibunda ketika berbual di dalam kelas, pengaruh bahasa ibunda dan dialek ketika mempraktikkan bahasa Melayu, waktu pembelajaran yang tidak mencukupi, dan perbezaan tahap penguasaan bahasa antara mahasiswa.

Nurul Afifah Adila Mohd Salleh (2021) pula mengkaji cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar Universiti Pengajian Asing Hebei, China dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Antara cabaran yang dapat diketengahkan ialah pengaruh bahasa Inggeris, tatabahasa bahasa Melayu yang kompleks, persekitaran yang tidak membantu, kelemahan penguasaan bahasa perantara dan kekurangan motivasi. Disebabkan cabaran ini, pelajar menjadi tidak aktif dan pemalu semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berlangsung. Nurul Afifah Adila Mohd Salleh (2021) menegaskan bahawa kajian berkaitan cabaran mempelajari bahasa Melayu ini amat penting kerana dapat melihat perkara-perkara yang boleh diatasi dengan perancangan yang betul. Cabaran-cabaran yang didapati ini boleh diteliti untuk mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran daripada kurang berkesan kepada yang lebih efektif.

Zhang, X. (2018) berkongsi pengalamannya sebagai penuntut ijazah sarjana muda bahasa Melayu dan sebagai penterjemah serta juruhebah radio di bahagian bahasa Melayu, China Radio International (CRI). Menurutnya, pengajaran bahasa Melayu di universiti China lebih banyak

memfokuskan kemahiran menulis, membaca, dan terjemahan tulisan bahasa Melayu. Artikel tersebut turut membincangkan cabaran yang dihadapi oleh pelajar China dalam dua fasa, iaitu ketika mempelajari bahasa Melayu di dalam kuliah dan ketika menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi dengan penutur asli bahasa Melayu di Malaysia. Berdasarkan kajian tersebut, Zhang (2018) telah menyenaraikan cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar China termasuklah kekurangan bahan pengajaran dan bahan bacaan di BFSU, kekurangan peluang untuk berkomunikasi dengan penutur asli bahasa Melayu di luar kelas, faktor bahasa ibunda, dan cabaran mengenali serta mendekati budaya di Malaysia.

Usaha dan cabaran dalam memartabatkan bahasa Melayu yang dikaji ini dilihat amat penting untuk mengetahui pembangunan bahasa Melayu di negara China. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji dengan lebih mendalam tentang usaha dan cabaran lain yang lebih kritikal dan perlu dibincangkan. Antara cabaran yang lebih besar ialah tiada garis panduan yang jelas dan silibus yang standard dalam pelaksanaan program pengajian bahasa Melayu di China dan pelbagai lagi cabaran lain. Manakala usaha-usaha yang telah dilaksanakan perlu diperkasakan dan ditambah dengan usaha baru dalam membangunkan bahasa Melayu di China.

## **METODOLOGI**

Kajian ini telah memilih pendekatan kualitatif deskriptif. Kajian ini memperoleh data melalui catatan lapangan dan temu bual. Metodologi kajian merupakan salah satu aspek yang amat dititikberatkan kerana hasil kajian ini merupakan fakta dan pernyataan yang boleh dijadikan rujukan kepada penyelidik pada masa akan datang.

## **CATATAN LAPANGAN**

Dapatan kajian ini kebanyakan diperoleh daripada catatan lapangan berdasarkan pengalaman dan penglibatan penyelidik dalam perkembangan bahasa Melayu di negara China. Idrus (2007) berpendapat bahawa catatan lapangan merupakan catatan yang ditulis secara rinci, cermat, luas, dan mendalam hasil daripada pemerhatian terhadap sesuatu situasi yang dilihat semasa di lapangan. Dalam kajian ini, catatan lapangan dilakukan sepanjang penglibatan penyelidik dalam pengembangan bahasa Melayu di China. Catatan lapangan ini dapat membantu dalam melihat situasi dan isu terkini yang dapat membantu dalam menganalisis dapatan kelak.

## **TEMU BUAL**

Temu bual atau yang dikenali dengan istilah *interview* adalah suatu proses interaksi dan komunikasi dari dua orang atau lebih. Metode ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat dengan bertanya secara langsung kepada responden (Masri Singarimbun dan Sofyan Efendi, 1995). Akibat daripada pandemik Covid-19, sesi temu bual ini terpaksa dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi *Tencent Meeting*. Menurut Patton (1980), kaedah temu bual adalah salah satu cara untuk mendekati responden dan memahami apa yang sebenarnya dialami dan difikirkan oleh mereka. Temu bual yang diadakan bersama Pengerusi Sekretariat Penggerak Pengajian Melayu China, iaitu Prof. Dr. Su Yingying (Suria) merupakan satu kaedah temu bual, iaitu kaedah temu bual bersemuka secara dalam talian. Soalan yang diajukan ialah soalan berstruktur dan terbuka bagi mendapatkan maklumat mengenai perkembangan bahasa Melayu di China. Temu bual ini diadakan sebagai tindakan susulan bagi memastikan kesahihan maklumat terkini tentang sejarah dan perkembangan bahasa Melayu di China.

Selain itu, sesi temu bual secara dalam talian turut diadakan bersama 10 orang pensyarah yang sedang berkhidmat sebagai tenaga pengajar bahasa Melayu di negara China. Temu bual ini diadakan menggunakan platform *Google Meet*. Temu bual ini diadakan bertujuan untuk membincangkan cabaran yang dihadapi oleh setiap tenaga pengajar yang mengajar bahasa Melayu di setiap universiti masing-masing. Selain itu, perkongsian usaha yang telah dilakukan terhadap pembangunan bahasa Melayu di negara China turut diketengahkan. Sebelum sesi temu bual dijalankan, penyelidik telah menyediakan

soalan-soalan berstruktur bagi mendapatkan maklumat dan pandangan mereka dengan lebih jelas dan terperinci.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan berkaitan cabaran yang dilalui dalam usaha mengembangkan bahasa Melayu di negara China dan turut membincangkan usaha-usaha yang dilakukan dalam memartabatkan bahasa Melayu di China.

### CABARAN DALAM PENGEMBANGAN BAHASA MELAYU

Berdasarkan penambahan program bahasa Melayu yang ditawarkan di seluruh China dari semasa ke semasa, maka dapat dikatakan bahawa Pengajian Melayu di negara tembok besar ini mempunyai peluang yang agak cerah untuk diperluas. Peningkatan ini menggambarkan penerimaan dan pengiktirafan kerajaan China terhadap kepentingan bahasa bagi mewujudkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara. Namun, terdapat cabaran yang dihadapi sepanjang proses pengembangan bahasa Melayu ini. Pengajaran bahasa Melayu ini kepada penutur asing khususnya kepada pelajar China merupakan satu proses yang amat mencabar bagi tenaga pengajar, sama ada tenaga pengajar yang datang dari Malaysia mahupun dari China itu sendiri. Berdasarkan temu bual dan catatan lapangan yang dilakukan, kajian ini mendapati terdapat beberapa cabaran dalam perkembangan program bahasa Melayu di negara China.

#### i. Kurikulum yang tidak seragam

Kurikulum boleh didefinisikan sebagai skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran atau kursus yang diajar di universiti. Menurut Inlow (1966), kurikulum adalah usaha menyeluruh yang dirancang khusus untuk membimbing pelajar agar memperoleh hasil daripada pembelajaran yang sudah ditentukan dengan berkesan. Kandungan kurikulum boleh dirancang dan dilaksanakan secara individu atau berkumpulan (Kerr, J.F. 1968). Setiap universiti yang menawarkan kursus pengajian bahasa Melayu di China mempunyai kurikulum yang tersendiri. Namun begitu, semua tenaga pengajar bahasa Melayu di universiti-universiti di China mengakui bahawa kurikulum yang sedia ada di universiti masing-masing masih belum kukuh dan perlu diperhalusi semula. Kandungan kurikulum yang tidak seragam antara semua universiti juga merupakan satu masalah kerana tidak dapat dibincangkan dan dibangunkan bersama. Hasil perbincangan antara semua tenaga pengajar bahasa Melayu di China mencadangkan agar kurikulum yang seragam perlu dilakukan bagi memastikan mutu pengajaran dapat ditingkatkan.

Antara kurikulum program Pengajian Melayu di China ialah permindahan kredit, iaitu program pertukaran pelajar China – Malaysia. Contohnya, pelajar GDUFS mengikuti pembelajaran selama satu semester di Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia, pelajar universiti Yunnan Minzu belajar di UKM selama dua semester, pelajar BFSU belajar di UM selama satu semester dan pelajar Hainan College belajar di USM selama dua semester. Pertukaran ini merupakan usaha yang sangat baik bagi membantu para pelajar untuk lebih menguasai bahasa Melayu daripada pakar bahasa Melayu di Malaysia. Namun, apa yang perlu diberikan perhatian ialah kandungan kurikulum secara keseluruhan. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan respons para pelajar yang mengikuti program pertukaran ini, berlaku pertindihan silibus, iaitu mereka belajar perkara yang sama semasa di China dan di Malaysia. Oleh itu, kurikulum program pengajian bahasa Melayu di China ini perlu diberikan perhatian dan diteliti kembali.

Kebanyakan universiti di China menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu selama empat tahun, misalnya di *Beijing Foreign Studies University* (BFSU) dan *Guangdong University of Foreign Studies* (GDUFS). Namun, terdapat juga program diploma selama tiga tahun, misalnya di *Hainan College of Foreign Studies* dan *Minjiang Teachers College*. Selain

itu, terdapat universiti yang menawarkan program bahasa Melayu sebagai subjek elektif, iaitu di *Hebei Foreign Studies University* (HFSU). Kepelbagaian jenis pengajian ini juga menunjukkan perlunya diberikan perhatian terhadap pembentukan kurikulum yang bersepadu kerana peringkat pengajian sarjana muda dan diploma ini berbeza, apatah lagi dijadikan sebagai bahasa elektif. Menurut Wanjun Li dan Zaiton Zakarya (2019), kurikulum bersepadu bahasa Melayu amat penting bagi menjamin proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih kondusif. Seharusnya kurikulum ini perlu diseragamkan agar tidak berlaku pertindihan subjek, pengajaran yang tidak berfokus, dan sebagainya.

ii. Kekurangan bahan pengajaran yang sesuai

Bahan-bahan rujukan amat penting untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Hasil temu bual bersama Pengerusi Sekretariat Penggerak Pengajian Melayu China, iaitu Profesor Dr. Su Yingying, didapati kebanyakan universiti di China kekurangan bahan pengajaran dan buku teks bahasa Melayu yang sesuai untuk dijadikan rujukan. Setakat ini, kebanyakan universiti menggunakan buku berjudul Bahasa Melayu untuk Pelajar China 1, 2 dan 3 yang diterbitkan oleh BFSU pada tahun 2005. Namun begitu, buku-buku ini sudah lama dan tidak mencukupi untuk dijadikan bahan rujukan. Oleh itu, beliau mencadangkan agar tenaga pengajar dari China dan Malaysia melakukan kerjasama segera bagi menghasilkan lebih banyak buku teks bahasa Melayu untuk dijadikan rujukan di semua universiti di China.

Terdapat juga buku panduan pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing yang diterbitkan oleh ahli akademik dari Malaysia seperti buku berjudul “Bahasa Melayu untuk Penutur Asing” yang ditulis oleh Nor Hashimah Jalaluddin, Mardian Shah Omar dan Noor Zilawati Jais. Selain itu, terdapat juga buku bertajuk “Bahasa Melayu Komunikatif untuk Pelajar Asing” yang ditulis oleh Mazlina Ahmad dan Noor Rohana Mansor serta buku *Malay as a Foreign Language* yang ditulis oleh James T. Collins. Kesemua buku ini boleh dijadikan rujukan untuk tenaga pengajar bahasa Melayu di China tetapi hanya sekadar rujukan tambahan. Bahan pengajaran yang lebih bersesuaian diperlukan oleh tenaga pengajar di China ialah buku teks kerana buku teks merupakan bahan pengajaran yang lengkap mengikut sukatan yang ditetapkan.

Selain daripada kekurangan bahan rujukan berbentuk buku teks, menurut Hishamudin Isam, Abdonloh Khreeda-Oh dan Mashetoh Abd Mutalib (2017), ketiadaan contoh atau model bahasa lisan yang betul untuk dijadikan bahan pengajaran menjadi cabaran untuk mengajar bahasa Melayu kepada pelajar asing. Perkara ini juga berlaku di universiti-universiti di China, iaitu kekurangan bahan pengajaran lisan. Oleh itu, bahan pengajaran, iaitu model lisan ini perlu dihasilkan agar dapat membantu tenaga pengajar dan pelajar dalam mempelajari sebutan lisan bahasa Melayu. Di samping itu, bahan-bahan sedia ada yang berkaitan perlu dikemas kini dari semasa ke semasa. Kekurangan bahan pengajaran ini menyebabkan tenaga pengajar terpaksa mengambil dan mencari dari pelbagai sumber lain terutamanya melalui carian yang terpantas, iaitu melalui internet. Selain itu, kekurangan bahan pengajaran ini juga menyebabkan berlakunya pengulangan silibus dalam semester yang berbeza. Oleh itu, kekurangan bahan pengajaran ini merupakan cabaran besar yang dihadapi oleh tenaga pengajar dalam menyampaikan ilmu bahasa Melayu kepada pelajar di China.

iii. Tiada aplikasi mudah alih

Wabak COVID-19 yang melanda dunia lebih membuka mata semua bahawa bahan pengajaran dan pembelajaran berbentuk digital amat diperlukan agar lebih efisien dan senang untuk digunakan. Selain itu, sesuai dengan peredaran zaman yang serba canggih ini, bahan-bahan pengajaran yang memanfaatkan multimedia sangat berguna untuk menarik minat para pelajar. Hal ini disokong oleh Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) bahawa pembelajaran bahasa Melayu berasaskan multimedia boleh digunakan sebagai satu usaha untuk menarik minat pelajar asing menguasai bahasa Melayu. Salah satu perisian yang boleh dibangunkan ialah



aplikasi mudah alih. Aplikasi mudah alih ialah aplikasi perisian yang dibangunkan khusus untuk digunakan pada peranti pengkomputeran kecil, seperti telefon pintar dan tablet, bukan untuk komputer meja atau komputer riba (Nur Hafizah Binti Razali dan Fariza Binti Khalid, 2021). Sehingga kini, masih belum ada aplikasi mudah alih yang dibangunkan berkaitan bahan pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing. Oleh itu, para pelajar hanya bergantung sepenuhnya dengan pembelajaran di dalam kelas, merujuk buku, dan pencarian melalui internet bagi mempelajari bahasa Melayu.

Ketiadaan kemudahan aplikasi mudah alih ini menyebabkan pelajar hanya berpeluang belajar secara tradisi seperti menuntut ilmu secara bersemuka dengan tenaga pengajar. Landskap pembelajaran dengan hanya mempelajari dari buku dan membuat latihan juga tidak cukup untuk memastikan pelajar asing ini terus dan bertambah minat mempelajari bahasa Melayu. Sharpless, Taylor dan Vavoula (2007) menegaskan bahawa penggunaan peranti mudah alih dapat membentuk pedagogi yang inovatif berbanding bentuk yang lain. Penggunaan aplikasi mudah alih juga dapat merangsang minat dan motivasi pelajar kerana mudah digunakan melalui telefon pintar selain dapat belajar secara sendiri. Hal ini disokong oleh Mardian Shah Omar & Mashrom Muda (2019) bahawa pelajar lebih mudah untuk memahami bahasa Melayu melalui penggunaan aplikasi mudah alih. Selain itu, sesi pembelajaran dalam talian yang semakin berleluasa hari ini memerlukan kaedah dalam bentuk E-Penilaian, iaitu salah satu aplikasi yang boleh digunakan untuk menilai tahap setiap pelajar (Amirul Mukminin Mohamad, 2020). Oleh itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan untuk berusaha dalam membangunkan aplikasi mudah alih berkaitan pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing.

iv. Perbezaan tahap penguasaan pelajar

Berdasarkan temu bual bersama tenaga pelajar di China, mereka menyatakan bahawa tahap kecekapan dan penguasaan bahasa Melayu pelajar di dalam kelas berbeza-beza. Hal ini menyebabkan kesulitan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Terdapat pelajar yang cekap dalam memahami apa yang diajar dan dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Namun, terdapat juga pelajar lemah dan kurang mahir dalam menguasai bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan tenaga pelajar terpaksa memberikan tumpuan yang penuh dan mengajar mengikut tahap penguasaan pelajar. Hal ini merupakan cabaran kepada tenaga pelajar untuk lebih bersedia dalam menghadapi kepelbagaian tahap pelajar. Menurut Nurul Afifah Adila Mohd Salleh (2021), perbezaan kecekapan penguasaan bahasa oleh pelajar juga menjadi cabaran dan menimbulkan kesukaran untuk menghadapinya. Oleh itu, tenaga pengajar perlu lebih bersedia untuk menghadapi situasi ini.

v. Kurangnya motivasi dalam kalangan pelajar

Weiner, B. (1995), menyatakan motivasi ialah proses membangkitkan mengekalkan, dan mengawal minat. Pelajar-pelajar dilihat kurang bermotivasi kerana mempunyai rasa malu yang menebal untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Hal ni dapat dilihat ketika dalam sesi pembelajaran di dalam kelas iaitu pelajar malu untuk menjawab pertanyaan pensyarah dan kelihatan tidak bersemangat. Siti Saniah Abu Bakar (2013) menyatakan bahawa pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu kebanyakannya dibelenggu rasa malu. Perasaan malu ini akhirnya akan menyebabkan pelajar kurang motivasi untuk mempelajari bahasa Melayu. Maimunah dan Norizah (2003) menyatakan bahawa motivasi amat penting dan mampu mendorong seseorang mempelajari sesuatu bahasa. Oleh itu, kekurangan motivasi ini perlu diatasi kerana perkara ini akan melambatkan penguasaan bahasa Melayu seseorang pelajar itu.

Selain itu, terdapat pelajar yang hanya mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu di dalam kelas sahaja. Di luar kelas, pelajar kurang mempraktikkan bahasa Melayu kerana persekitaran mereka yang tidak mendesak. Hal ini berbeza dengan pelajar asing yang belajar di Malaysia dan mengambil kursus bahasa Melayu. Situasi di Malaysia mendesak para pelajar untuk menggunakan bahasa Melayu walaupun hanya sedikit dalam kehidupan seharian. Contohnya

dalam urusan jual beli, berbual dengan jiran atau rakan sekelas, bertanya arah jalan, dan sebagainya. Hal ini kerana, penduduk Malaysia yang tidak mahir berbahasa Inggeris pasti akan menjawab dan bercakap menggunakan bahasa Melayu dengan pelajar asing. Oleh itu, keadaan mereka terdesak dan berkehendakkan mereka untuk bertutur dalam bahasa Melayu.

Bagi pelajar-pelajar di China, persekitaran luar kelas yang secara keseluruhannya menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa utama tidak langsung membantu mereka untuk memperkukuhkan bahasa Melayu yang dipelajari di dalam kelas. Persekitaran yang tidak menggunakan bahasa Melayu menyulitkan pelajar untuk mempraktikkan dirinya bertutur dalam bahasa Melayu (Siti Saniah Abu Bakar, 2013). Oleh itu, persekitaran yang tidak membantu ini menjadi cabaran yang begitu besar buat pelajar China yang mempelajari bahasa Melayu.

### **Usaha-Usaha yang dilakukan untuk Memartabatkan Bahasa Melayu di China**

Sepanjang penubuhan program bahasa Melayu di China, telah banyak usaha dilakukan bagi melestarikan program ini. Antara usaha penting yang dilakukan ialah wujudnya kerjasama kerajaan China dan Malaysia dalam bidang pendidikan terutamanya dalam program bahasa Melayu di seluruh peringkat universiti China. Penglibatan pelbagai pihak dapat menyemarakkan lagi pengembangan bahasa Melayu di seluruh China. Usaha-usaha yang telah dilakukan dapat dilihat seperti yang berikut;

i. Mesyuarat Meja Bulat Perkembangan Jurusan Bahasa Melayu di China

Mesyuarat Meja Bulat Perkembangan Jurusan Bahasa Melayu di China Kali Pertama di Universiti Pengajian Bahasa-bahasa Asing Beijing (BFSU) yang diadakan pada 4 Januari 2019 telah membincangkan keadaan semasa dan hala tuju perkembangan pengajaran bahasa Melayu di China. Usaha sama BFSU dan Kedutaan Besar Malaysia ini telah menyemarakkan dan memperkasakan perkembangan bahasa Melayu dan Pengajian Melayu di negara China (CRI Online, 2019). Sekretariat Penggerak Pengajian Melayu China sesi pertama (2019-2021) telah ditubuhkan semasa perbincangan meja bulat tersebut. Jawatan ini disandang oleh seorang profesor yang mempunyai kepakaran bahasa Melayu di China, iaitu Profesor Dr. Su Yingying (Suria). Beliau merupakan dekan di Institut Pengajian Asean, Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU) merangkap pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu. Penubuhan sekretariat ini telah menggalakkan kerjasama pendidikan antara institusi pengajian tinggi di China dalam pengembangan Jurusan Bahasa Melayu dan pengajaran bahasa Melayu secara keseluruhannya. Sekretariat yang berpusat di Beijing ini dapat menjadi rujukan dan pusat perkembangan bahasa Melayu di seluruh China.

ii. Penglibatan Kedutaan/ Konsulat Malaysia di China

Penawaran kelas bahasa Melayu di luar negara kebanyakan diadakan bagi keperluan ekonomi, minat, diplomasi, atau keperluan yang lain. Peluang ini wajar dimanfaatkan oleh Kedutaan Malaysia di luar negara untuk mempromosikan bahasa dan budaya Melayu, sebagaimana yang dilakukan oleh Indonesia yang amat menitikberatkan peranan pendidikan dan kebudayaannya (Awang Sariyan, 2011). Jika dilihat di negara China, Kedutaan Malaysia juga terlibat secara aktif dalam aktiviti pengembangan bahasa Melayu. Misalnya wakil dari Kedutaan Malaysia telah membuat beberapa lawatan secara rasmi ke universiti yang menawarkan bahasa Melayu di China. Kedutaan Malaysia juga telah dijemput ke dalam majlis atau aktiviti rasmi yang berkaitan Jabatan Bahasa Melayu misalnya dalam majlis sambutan pelajar baharu dan program Seminar Antarabangsa Bahasa Melayu. Penglibatan kedutaan ini telah menyemarakkan lagi program Pengajian Melayu di seluruh China.

iii. Tenaga Pengajar dari Malaysia

Kemasukan tenaga pengajar atau pensyarah dari Malaysia juga merupakan usaha besar yang dilakukan bagi pengembangan Pengajian Melayu di seluruh China. Biasanya, di setiap universiti yang menawarkan Pengajian Melayu, setiap seorang wakil pensyarah dari Malaysia dijemput untuk bekerja di sana. Ada juga yang memerlukan dua atau tiga orang tenaga pengajar dari Malaysia. Keadaan ini bergantung bagi keperluan sesebuah universiti tersebut. Keperluan tenaga pengajar dari Malaysia yang merupakan penutur jati bahasa Melayu ini dapat mempertingkatkan lagi keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu di seluruh China.

Pensyarah-pensyarah ini menjadi duta kecil negara Malaysia sebagai pengembang Pengajian Melayu di seluruh China. Pakar asing daripada Malaysia ini mestilah melepasi syarat, iaitu kelulusan Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah dalam bidang Pengajian Melayu. Kebanyakan tenaga pengajar ini merupakan graduan daripada Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, dan Universiti Sains Malaysia. Selain itu, terdapat juga pengajar yang merupakan pegawai daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang dihantar untuk berkhidmat di China. Sebagai penjawat awam, pegawai daripada DBP ini memainkan peranan dalam usaha mengembangkan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa. Usaha-usaha yang telah dilakukan ini memberi kesan positif terhadap perkembangan bahasa Melayu di seluruh China.

iv. Program Pertukaran Pelajar (MoU dan MoA)

Usaha pemindahan kredit atau kursus pendek, iaitu program pertukaran pelajar China ke Malaysia merupakan langkah yang amat baik bagi kedua-dua pihak. Antara universiti yang menawarkan pertukaran kredit bagi program Pengajian Melayu di China ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Universiti Sains Malaysia (USM). Banyak manfaat yang diperolehi mahasiswa dari China apabila mereka datang ke Malaysia. Antaranya, mereka dapat mendalami budaya dan merasai sendiri kehidupan di Malaysia. Di samping itu, mereka juga mempunyai banyak peluang untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu bersama penutur jati. Program seperti ini memerlukan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) yang jelas antara universiti di China dan universiti di Malaysia. Menurut Ab. Razak (2015), MoU dan MoA ini menguntungkan kedua-dua belah pihak. Hal ini menunjukkan pentingnya persefahaman antara universiti dan fakulti bagi kedua-dua negara tersebut. Konten persefahaman antara kedua-dua universiti ini adalah berdasarkan keperluan universiti masing-masing. Oleh itu, usaha ini perlulah diteruskan pada masa akan datang.

v. Aktiviti Peringkat Kebangsaan

Dari sudut aktiviti kebahasaan, sudah banyak usaha awal yang dijalankan bagi menggalakkan penglibatan pelajar dari setiap universiti. Antaranya termasuklah pertandingan menyanyi, pertandingan pidato, pertandingan deklamasi sajak, dan kuiz di peringkat kebangsaan. Misalnya, Program Dekad Bahasa anjuran Education Malaysia Beijing yang telah dijalankan selama dua tahun berturut-turut dianjurkan agar para pelajar yang belajar bahasa Melayu dapat menguasai dan mendalami bahasa Melayu dengan cara yang lebih menghiburkan. Pada masa yang sama, program ini juga dapat digunakan sebagai medan bagi bertukar buah fikiran serta ilmu pengetahuan antara pelajar dari negara Malaysia dan China.

Selain itu, Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dapat membuka peluang kepada pelajar di China untuk menyertai pertandingan ini. Peringkat saringan biasanya diadakan di China sebelum memilih wakil untuk mewakili negara China. Setiap tahun, negara China akan menghantar wakil sekurang-kurangnya seorang peserta untuk mewakili negaranya. Melalui

penyertaan ini, peserta dapat mempelajari dan mengenali bahasa, budaya, dan kesenian Melayu dengan lebih mendalam.

vi. Seminar Bahasa Melayu Antarabangsa

Usaha perkembangan bahasa Melayu di negara China terus giat dijalankan apabila banyak seminar dianjurkan misalnya Seminar Persahabatan China-Malaysia dan Seminar Antarabangsa Terjemahan Bahasa dan Budaya Melayu-China (SATBBMC). Seminar SATBBMC ini dianjurkan oleh USM dengan kerjasama universiti-universiti di China. SATBBMC ini diibaratkan sebagai batu loncatan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu agar kelangsungan dan kedinamikannya berupaya digilap di peringkat antarabangsa khususnya di negara China. Seminar yang dianjurkan ini menggalakkan penglibatan para peserta daripada negara China dan Malaysia untuk membentangkan kertas kerja berkaitan penterjemahan, bahasa, dan budaya Melayu dan China. Seminar secara berkala seperti ini sudah pasti akan membawa manfaat signifikan dalam kelestarian interaksi Melayu-China dari pelbagai aspek.

Penganjuran seminar akademik sebegini wajar dilaksanakan kerana dapat membuka peluang kepada ahli akademik dari seluruh dunia untuk membincangkan ilmu berkaitan pembangunan bahasa Melayu. Seharusnya universiti-universiti tempatan di Malaysia mengambil peluang untuk bekerjasama dengan universiti di China dalam menganjurkan lebih banyak seminar yang berkaitan Pengajian Melayu. Manakala universiti-universiti di China boleh menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah dalam seminar yang dicadangkan. Kerjasama seperti ini akan mendatangkan faedah kepada kedua-dua pihak.

vii. Peranan Perdana Menteri Malaysia dalam memartabatkan bahasa Melayu

Suara seorang pemimpin seperti perdana menteri semestinya akan menjadi perhatian media tempatan dan suara tersebut akan disampaikan kepada masyarakat melalui media bercetak dan elektronik. Dalam usaha mengembangkan bahasa Melayu di peringkat global, perdana menteri Malaysia turut memainkan peranan yang besar melalui suara dan tindakannya. Perdana Menteri terdahulu, iaitu Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memperjuangkan bahasa Melayu untuk dijadikan sebagai bahasa Asean. Rentetan dari hasrat ini, beliau telah memperkenalkan bahasa Melayu dengan menyampaikan ucapannya menggunakan bahasa Melayu dalam mesyuarat dua hala yang berlangsung di negara Brunei, Thailand dan Kemboja. Malah lebih membanggakan, beliau merupakan perdana menteri pertama Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu ketika berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) Ke-77 yang berlangsung di ibu pejabat PBB, New York.

Usaha bekas Perdana Menteri ini telah membuka mata semua pejuang bahasa Melayu untuk terus berani dan berusaha mengembangkan bahasa Melayu di seluruh dunia terutamanya di negara China yang sudah cukup kukuh perkembangan bahasa Melayunya. Usaha Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ini mendapat pujian dan perhatian dari Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan yang sentiasa menggalakkan rakyat Malaysia agar mencintai bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga Menteri Malaysia yang lain seperti Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man yang turut sama memartabatkan bahasa Melayu semasa Persidangan Ke-26 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC COP-26) di Glasgow, Scotland pada November 2021. Usaha ini sangat besar nilainya dan mampu memberikan kesan kepada perkembangan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa.

Pada 25 November 2022, Dato' Seri Haji Anwar bin Ibrahim telah dilantik sebagai perdana Menteri Malaysia yang baru setelah selesai pilihan raya umum yang ke-15. Dalam ucap tama beliau selepas diangkat menjadi perdana Menteri, beliau menegaskan bahawa kerajaan perpaduan akan meneruskan usaha memartabatkan bahasa Melayu di peringkat kebangsaan dan global. Oleh itu, suara ini merupakan satu usaha permulaan di bawah pimpinannya untuk terus

memartabatkan bahasa Melayu. Hal ini akan membantu pengembangan bahasa Melayu di negara China seperti mendapat sokongan padu dan perhatian dari kerajaan Malaysia.

viii. Sambutan Ulang Tahun Hubungan Malaysia - China yang ke-50

Pada tahun 2024, Malaysia dan China telah mencapai tahun yang ke-50 dalam menjalinkan hubungan diplomatik. Sepanjang tempoh hubungan yang lama ini, Malaysia dan China telah bekerjasama dalam pelbagai aspek terutamanya pendidikan. Perkembangan bahasa Melayu di negara China merupakan salah satu agenda penting dalam hubungan dua hala ini. Pihak kerajaan Malaysia dan China dialu-alukan untuk terlibat sama dan mendokong usaha memartabatkan bahasa Melayu di negara China. Pada sambutan jubli emas pada tahun 2024, Yang di-Pertuan Agung, Sultan Ibrahim telah berkenan menamakan Kursi Pengajian Melayu yang terletak di *Beijing Foreign Studies University* (BFSU) dengan nama Seri Paduka Baginda, iaitu Kursi Pengajian Melayu Sultan Ibrahim. Penjenamaan semula kursi ini telah menyemarakkan lagi semangat pengembang bahasa Melayu untuk mengekalkan usaha pengembangan dan pemartabatan bahasa Melayu di seluruh China.

Selain itu, sebelum ini Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bersama Kelab Pembaca Sastera China Malaysia turut menyambut Ulang Tahun Hubungan Diplomatik ke-48 Malaysia-China melalui penganjuran Majlis Semarak Puisi Malaysia-China 2022. Majlis ini berjaya mempertemukan pemuisi dan penulis dari Malaysia dan China bagi tujuan perkembangan bahasa Melayu. Dalam majlis ini juga, sebuah buku puisi khas berjudul “Mengayam Tikar Peradaban” dilancarkan. Sebanyak 73 buah puisi berjaya dikumpul yang ditulis oleh 63 orang pemuisi di rantau alam Melayu dan China. Puisi-puisi ini berkisar tentang kepelbagaian fenomena hubungan erat Malaysia-China. Majlis ini merupakan salah satu usaha untuk terus memartabatkan bahasa Melayu di negara China dengan adanya penglibatan penulis dan pemuisi dari China.

ix. Persatuan Persahabatan Malaysia – China (PPMC)

PPMC merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang telah ditubuhkan pada 1992. Inisiatif penubuhan persatuan ini adalah untuk mengusahakan hubungan baik antara Malaysia dengan China melalui penganjuran aktiviti budaya, sosial, bahasa, sukan dan pelbagai lagi yang melibatkan belia dari kedua-dua negara ini. Sejak dari tahun 1992, pelbagai aktiviti diadakan setiap tahun sama ada di negara China atau Malaysia dan sememangnya mendapat sambutan yang baik dari belia Malaysia dan China yang terlibat. Sepanjang aktiviti ini berlangsung, kesemua belia ini dapat berkomunikasi antara satu sama lain dan melakukan aktiviti bersama-sama. Antara program yang telah dijalankan ialah inap desa, gotong-royong, penanaman pokok, pertukaran pelajar, lawatan dan pelbagai lagi.

Duta Besar China, Ouyang Yujing menggalakkan pelajar muda kedua-dua negara terus menjadi pewaris hubungan persahabatan China-Malaysia. Perkembangan hubungan bilateral ke arah yang berkualiti tinggi telah menyediakan wahana dan peluang kepada golongan belia kedua-dua negara. Usaha yang dilakukan oleh PPMC ini sangat besar sumbangannya kepada hubungan dua hala antara Malaysia dan China. Dari sudut pengembangan bahasa Melayu, penglibatan belia Malaysia akan menyebabkan bahasa Melayu dituturkan sekali gus disebarkan kepada belia China. Selain itu, melalui aktiviti yang diadakan, budaya dan cara hidup orang Melayu dapat dipelajari oleh belia China. Usaha yang dilakukan oleh PPMC ini amat baik dan berkesan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu melalui hubungan dua hala ini.

x. Penglibatan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Pertemuan antara Pengarah Pendidikan Malaysia, Beijing (EMB), iaitu Tuan Aziz How Abdullah bersama Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah membawa sinar yang baru kepada pejuang bahasa Melayu di China dalam usaha untuk terus memartabatkan bahasa Melayu di negara tersebut. Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu atau singkatannya MABM adalah sebuah majlis khas yang ditubuhkan untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti kebahasaan yang menjurus kepada matlamat pengembangan bahasa pada peringkat antarabangsa. Dalam pertemuan itu, MABM menyatakan bahawa pihak mereka sedia membantu Pakar Asing Bahasa Melayu di China dalam usaha mengembangkan bahasa Melayu di China.

Antara bantuan yang boleh dihulurkan ialah berkaitan dana kewangan, pembekalan buku rujukan dan menjalinkan kerjasama aktiviti dan program. MABM juga bersetuju ingin meletakkan kesemua pakar asing bahasa Melayu yang berkhidmat di Universiti di China di bawah majlis tersebut. Penubuhan majlis khas, iaitu MABM ini bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti kebahasaan yang menjurus kepada matlamat pengembangan bahasa di peringkat antarabangsa ini. Oleh itu, amat sesuai MABM berhubung dan bekerjasama dengan pakar asing di China ini untuk merancang dan bekerjasama pada masa akan datang. Oleh itu, kesemua pakar asing di China telah memberikan maklumat peribadi kepada MABM untuk rekod dan simpanan mereka. Kesemua pakar asing dari Malaysia yang berkhidmat di universiti-universiti di serata China ini amat berharap dan mengalu-alukan bantuan serta sokongan dari pelbagai pihak terutamanya kerajaan Malaysia dalam usaha mengembangkan bahasa Melayu di China. Diharapkan agar kesediaan MABM untuk bekerjasama dan menjalinkan hubungan dengan semua pakar asing ini akan membuahkan hasil yang menguntungkan kepada bahasa Melayu itu sendiri.

## IMPLIKASI

Hasil perbincangan bersama Pengerusi Sekretariat Penggerak Pengajian Melayu China, pensyarah dari Malaysia yang mengajar di China, dan para pelajar China yang belajar bahasa Melayu telah membantu mengetengahkan cabaran yang dihadapi dan menunjukkan perkembangan bahasa Melayu di China kini. Dalam mengembangkan bahasa Melayu di China, pelbagai cabaran dan halangan yang perlu ditempuh bagi memastikan bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu dan alat komunikasi. Usaha-usaha yang dilakukan telah menunjukkan betapa gigihnya setiap pihak berusaha untuk terus mengembangkan bahasa Melayu di negara China.

Berdasarkan kajian ini, beberapa usaha konkrit perlu dilaksanakan dengan lebih terancang. Antaranya, menerbitkan lebih banyak buku rujukan berbahasa Melayu khas untuk negara China, memperbanyakkan aktiviti yang melibatkan pelajar China, dan merencanakan MoU dan MoA antara universiti di China dan Malaysia. Selain itu, kerajaan Malaysia perlu mengambil berat dan peka terhadap tenaga pengajar Malaysia yang mengajar di China dengan memberikan bantuan dari segi idea, tenaga, dan kewangan. Di samping itu, kajian ini mencadangkan penubuhan sebuah organisasi dengan penglibatan semua pensyarah bahasa Melayu di China, DBP, ahli akademik, dan pakar bahasa Melayu di Malaysia. Organisasi ini perlu merangka dan merancang kurikulum pengajian bahasa Melayu dengan lebih rapi. Hal ini bagi memastikan berlakunya penambahbaikan dan keseragaman kurikulum Pengajian Melayu di China.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, dapat dirumuskan bahasa senario bahasa Melayu di China menunjukkan trend yang baik. Sejak dari dahulu lagi, negara China telah membuka mata dengan melihat bahasa Melayu sebagai alat komunikasi yang amat penting bagi mengeratkan hubungan diplomatik kedua-dua negara. Secara optimisnya, tanggungjawab mengembangkan bahasa Melayu di China tidak boleh dipandang enteng, sebaliknya perlu diberikan perhatian sewajarnya. Perkembangan Pengajian Melayu di China juga perlu mendapat sokongan padu daripada pelbagai pihak di Malaysia. Penjenamaan semula Kursi Pengajian Melayu di China pada tahun 2024 kepada Kursi Pengajian Melayu Sultan Ibrahim, bertepatan dengan keakraban hubungan persahabatan Malaysia dan China, yang telah terjalin sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka. Penjenamaan semula kursi ini telah melakar sejarah baharu dalam meraikan sambutan Jubli Emas Ulang Tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia dan China yang telah termeterai pada 31 Mei 1974. Kursi Pengajian Melayu Sultan Ibrahim merupakan satu manifestasi yang menterjemahkan sokongan institusi Raja-Raja Melayu kepada usaha pengantarabangsaan bahasa Melayu di persada dunia. Cabaran yang ditempuh dan usaha yang dilakukan ini memerlukan kebijaksanaan, keberanian, dan kerjasama yang utuh oleh semua pengembang bahasa Melayu. Tidak mustahil bahasa Melayu akan terus berkembang mekar di seluruh China bahkan di serata dunia sekiranya setiap individu memainkan peranan masing-masing. Hubungan antarabangsa yang baik dan mekar akan wujud dalam bidang pendidikan bagi negara China dan Malaysia jika semua pihak memberikan kerjasama yang berterusan dan kesepakatan yang teguh dan jitu. Seajar dengan itu, kerajaan Malaysia dan China perlu merancang dengan rapi dan jelas agar hubungan diplomatik dan pendidikan ini dapat memberi suntikan kepada anggota masyarakat terutamanya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa asing, iaitu bahasa Melayu.

## PENAKUAN

Artikel penyelidikan ini diterima dan disokong oleh Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya melalui Geran Inovasi Ph.D 2022 [GIP 2022] yang telah diberikan kepada penulis.

## RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim. (2012). Pengintenasionalan bahasa Melayu Oleh Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya di China, Thailand dan Singapura. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Internasional*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Amirul Mukminin Mohamad. (2020). Quizizz sebagai e-penilaian norma baharu terhadap penutur antarabangsa dalam kursus bahasa Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature, Edisi Khas*, 11, 80-92.
- Awang Sariyan. (2011) . *Kursus Wajib Bahasa Melayu kepada Pelajar Asing: Mengharapkan Susulan Konkrit*. Dimuat turun daripada <http://klikweb.dbp.my/?p=1330>.
- Fikri Ghafar & Sa'adiah Ma'alip. (2020). Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Yunnan Minzu di UKM dan USM. *Jurnal Melayu, Isu Khas Disember*, 548-564.
- Hartmann, R.R.K. & Stork, F.C. (1976). *Dictionary of Language and Linguistics*. London: Applied Science Publisher.
- Hishamudin Isam, Abdonloh Khreeda-oh dan Mashetoh Abd Mutalib. (2017). Bahasa Melayu di Thailand: Cabaran dan Saranan Penyelesaiannya, *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 4(1), 109-122.
- Idrus Muhammad. (2007). *Metode Penelitian Ilmu Sosial*. Yogyakarta: UII Press.
- Inlow, G.M. (1996). *The Emergent in Curriculum*. John Wily. New York.

- Kerr, J.F. (1968). *Changing the curriculum*. London: University of London Press.
- Kusom Yamirudeng & Zulkifli Osman. (2019). Penilaian formatif bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing di Thailand. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 91-105.
- Li, W.J. & Zaiton Zakarya. (2019). Pembangunan Kurikulum Bersepadu Pendidikan Bahasa Melayu Di Universiti Pengajian Asing Guangdong, China. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Bahasa, Sastra, dan Budaya Melayu Kedua*, Universiti Putra Malaysia.
- Maimunah Haji Omar dan Norizah Ardi. (2003). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Pengalaman Perancis dan Finland dalam Pengajar Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardian Shah Omar & Mashrom Omar. (2019). Kemahiran komunikasi penutur asing: Aplikasi pendekatan telefon pintar dan internet. *Jurnal Komunikasi*. 35(4). 353-367.
- Masri Singarimbun dan Sofyan Efendi (ed). (1995). *Metode Penelitian Survei*. Jakarta: LP3ES
- Mesyuarat Meja Bulat Perkembangan Jurusan Bahasa Melayu di China Kali Pertama di BFSU. Dimuat turun daripada <http://malay.cri.cn/20190107/43ae319f-52ce-c963-e1aa-f268cf0d8679.html>.
- Moeller, A. K., & Catalano, T. (2015). Foreign Language Teaching and Learning. In J.D. Wright (ed.), *International Encyclopedia for Social and Behavioral Sciences* (2nd Edition). Oxford: Pergamon Press.
- Nur Hafizah Binti Razali dan Fariza Binti Khalid. (2021). *Penggunaan aplikasi pembelajaran mudah alih dalam pembelajaran matematik bagi pelajar sekolah menengah*. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*, 6(6), 73-85.
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh. 2021. Pembelajaran bahasa Melayu: tinjauan terhadap Pelajar di Universiti Pengajian Asing Hebei (HFSU), Shijiazhuang, China. Kertas kerja dibentangkan di *Persidangan Antarabangsa Peradaban dan Warisan Melayu (PERWARA)*, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), September 2021.
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh. (2022). Sorotan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pelajar asing. *Webinar Pelestarian Warisan Budaya di Persada Global*, Universiti Malaysia Kelantan.
- Patton, R. and Spear, R. (1980). Stomatal influences on white pine blister rust infection. *Phytopath. Medit*, 19:1-7.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 196-209.
- Sharpless, Taylor and Vavoul. (2007). *A Theory of Learning for the Mobile Age. The Sage Handbook of Elearning Research*: Sage publications
- Siti Saniah Abu Bakar. (2013). Kekangan pelajar asing dalam menggunakan kemahiran bertutur bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 52-60.
- Su, Y.Y. (2020). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di China. 2020. *Perbincangan Meja Bulat secara dalam talian*.
- Weiner, B. 1995. *Judgments Of Responsibility: A Foundation For A Theory Of Social Conduct*. New York: Guilford.
- Zaiton Zakarya. (2021). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian antara Malaysia dan China sewaktu pandemik Covid-19: Isu dan Cabaran. *Seminar Antarabangsa Terjemahan, Bahasa dan Budaya Melayu-China III (SATBBMC III)*.



- Zaiton Zakarya & Hawa Mahfuzah Rusidin. (2019). Isu dan cabaran pengajaran bahasa Melayu di luar negara: Pengalaman di Universiti China. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara*, Universiti Malaysia Perlis.
- Zhang, X. (2018). Mempelajari dan Menggunakan Bahasa Melayu sebagai Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Beijing Foreign Studies University dan China Radio International. Kertas kerja yang dibentangkan di *Persidangan Meja Bulat Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*: Pusat Penyelidikan Langkawi Universiti Kebangsaan Malaysia. 24-25 Oktober 2018, 213-240.